

# PELANCARAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3 (RFN KE-3), DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2) DAN DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA (DPF DESA NEGARA)



YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) pada 8 Jun 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Pelancaran RFN ke-3, DPN2 dan DPF Desa Negara yang bertemakan "Negara berdaya Tahan dan Berdaya Huni: Bandar dan Desa Mampan

untuk Kesejahteraan Rakyat" ini turut dihadiri oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), menteri-menteri besar serta ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

### **RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3 (RFN KE-3)**

RFN merupakan dokumen perancangan tertinggi dalam rangka kerja perancangan pembangunan fizikal negara, yang menterjemahkan dasar-dasar strategik dan sektoral negara ke dalam dimensi spatial serta fizikal. Sehingga kini, RFN telah melalui dua (2) fasa kajian semula yang bermula dari tahun 2005, hingga ke penyediaan RFN ke-3 pada tahun 2015.

RFN ke-3 ini merupakan dokumen pemajuan nasional hierarki tertinggi dalam perancangan guna tanah negara dan disediakan selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun meliputi Semenanjung Malaysia. Buat pertama kali, RFN ke-3 melibatkan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala bagi Negeri Sarawak, rancangan ini melibatkan perkara-perkara perancangan strategic yang merentasi sempadan.

Antara fokus RFN ke-3 ialah 'Negara Berdaya Tahan' yang membawa maksud negara yang mampu menangani risiko bencana alam, perubahan iklim, alam semula jadi, ekonomi dan social manakala istilah 'Berdaya Huni' menyentuh peningkatan kualiti persekitaran yang mampu menjana komuniti sejahtera dan inklusif.

### **DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2)**

Dasar Perbandaran Negara (DPN) merupakan dasar yang memandu dan menyelaraskan perancangan pembangunan serta pentadbiran perbandaran,

agar menjadi lebih efisien dan sistematis dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi serta fizikal. Dasar ini telah bermula pada tahun 2006 dan DPN2 disediakan pada tahun 2016, yang mana tempoh perancangannya adalah hingga tahun 2025.

DPN2 menyentuh cabaran-cabaran baharu yang memerlukan satu perancangan dan pengurusan bandar agar lebih sistematis, isu rebakan bandar (urban sprawl) dan penetapan sempadan bandar.

### **DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA (DPF DESA NEGARA)**

DPF Desa Negara merupakan dasar pembangunan desa yang pertama di Malaysia berbentuk spatial, bertujuan untuk mewujudkan perancangan holistik bagi pembangunan desa dan melengkapkan Dasar Perbandaran Negara.

Bagi memastikan desa terus relevan, DPF Desa Negara telah menggariskan dasar-dasar dan strategi bagi memastikan kawasan desa terus dipulihara. Secara tidak langsung, situasi ini menggalakkan proses kebangkitan semula desa (*rural rebound*) dengan menasarkankan perubahan yang positif bagi kawasan desa dengan menjadikan desa sebagai tempat tinggal pilihan.

Ketiga-tiga dokumen besar yang juga disebut sebagai Rancangan Pemajuan Nasional atau RPN ini amat penting bagi masa depan negara Malaysia, antaranya untuk:

- i. menjadi sebagai rujukan utama oleh pelbagai agensi dalam merangka program-program pembangunan fizikal negara ke arah mencorak pembangunan yang efisien dan mampan;
- ii. menjadi salah satu instrumen bagi mencapai kualiti persekitaran dan pembangunan lestari serta berperanan sebagai tindak balas terhadap globalisasi dan kepesatan pembangunan; dan

- iii. meningkatkan taraf hidup isi rumah dan penyediaan perumahan mampu milik yang berkualiti bagi membantu golongan B40 dan M40, supaya mereka juga tidak terpinggir dalam menikmati arus kemajuan negara.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT